

gas sahaja. Penggunaan kerosen adalah dilarang kecuali dengan kebenaran MDKP. Dapur yang digunakan mestilah mengikut piawaian MDKP.

- 5.5 Semua aktiviti memasak hendaklah di dalam kereta jaja sahaja atau menggunakan dapur mengikut piawai MDKP.

6. KEBERSIHAN MAKANAN

- 6.1 Makanan yang diniagakan hendaklah dipamerkan di dalam almari yang diperbuat daripada bahan aluminium atau stainless steel dan kaca yang bertutup yang boleh menghalang pencemaran habuk dan serangga atau mengikut peralatan piawaian MDKP.
- 6.2 Bagi makanan yang dipamerkan di dalam bekas seperti dulang, talam atau lain-lain bekas bersih hendaklah ditutup. Disyorkan daripada jenis bahan yang lut sinar (boleh nampak). Semua jenis bahan makanan tidak boleh didedahkan.
- 6.3 Setiap bekas makanan hendaklah disediakan peralatan perantaraan seperti penyepit, skop, senduk atau sudip supaya tidak berlaku sentuhan tangan dengan makanan semasa ia diambil dari bekas.

7. PEMBUNGKUSAN / PENGHIDANGAN MAKANAN

- 7.1 Semua pembungkusan dan penghidangan makanan untuk pelanggan mestilah menggunakan peralatan sekaligus (disposable crockeries). Penggunaan peralatan yang bukan daripada jenis sekaligus hendaklah dengan kebenaran MDKP sahaja.
- 7.2 Penggunaan kertas pembungkus hendaklah daripada bahan belum guna seperti plastik pembungkus, kertas lilin dan daun pisang yang bersih atau bahan-bahan yang diluluskan oleh MDKP. Penggunaan kertas suratkhbar atau lain-lain kertas/ pembungkus yang telah digunakan adalah dilarang sama sekali digunakan untuk membungkus makanan.

8. PELUPUSAN SAMPAH / KEBERSIHAN TAPAK & KERETA JAJA

- 8.1 Pelesen bertanggungjawab memastikan kereta jaja sentiasa bersih dan berkeadaan sempurna pada masa / sebelum / semasa atau selepas berniaga. Kawasan persekitaran 10 kaki keliling tapak jaja adalah menjadi tanggungjawab pelesen bagi membersihkannya daripada sebarang kekotoran sampah-sarap.
- 8.2 Pelesen mesti mempunyai tong sampah yang sempurna di tapak jaja semasa berniaga. Peniaga boleh mendapatkan daripada MDKP .
- 8.3 Semua sampah-sarap dari sisa perniagaan di tapak jaja hendaklah dibungkus dengan karung plastik dan disimpan di dalam tong sampah yang sempurna dan bertutup sebelum dilupuskan dengan perkhidmatan MDKP.
- 8.4 Semua sampah dan sisa perniagaan jenis basah dan berat seperti tempurung kelapa dan hampas tebu, pengurusan pelupusannya adalah menjadi tanggungjawab pelesen sendiri dan tidak dibuang di mana-mana tempat awam atau tong sampah awam yang disediakan oleh MDKP.